

24 JUL 2000

Bollywood-Konsert/I

SHAH RUKH KHAN HIBURKAN PEMINAT DENGAN PANTUN MELAYU

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Bintang filem Bollywood Shah Rukh Khan telah menghiburkan para peminatnya di Malaysia lebih daripada apa yang mereka jangkakan.

Beliau tidak sahaja menghiburkan mereka dengan tarian dan lakonan, malah turut berpantun pada konsert mengisi tabung Bakti (Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam tadi.

"Buah cempedak di luar pagar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati".

Apabila penonton ketawa semasa beliau membacakan baris pertama pembayang maksud pantun itu daripada sekeping kertas, yang ternyata bukan pembayang untuk baris rangkap seterusnya, Shah Rukh sambil berjenaka berkata:

"Jangan ketawakan saya, saya akan minta awak nyanyikan lagu Hindi..." katanya menyebabkan hadirin ketawa lebih kuat lagi.

Shah Rukh dan aktres Juhi Chawla mempesonakan para penonton yang termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dengan persembahan mereka yang mempesonakan.

Mereka berada di Malaysia bagi penggambaran filem "One Two Ka Four" yang telah menarik tumpuan ramai di lokasi-lokasi di Genting Highland dan Kuala City City Centre (KLCC).

Shah Rukh yang datang ke sini untuk kali yang ketiga, berkata beliau gembira berada di Malaysia dan bertemu Dr Mahathir buat kali kedua.

Beliau yang memberikan penghargaan kepada perdana menteri berkata Malaysia boleh muncul sebagai kuasa besar di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Manisha Koirala, seorang lagi aktres Hindi, dan penyanyi popular Udit Narayanan yang telah merakamkan beberapa lagu siulan ramai, juga membuat persembahan pada konsert bagi mengisi tabung itu.

-- BERNAMA

AZZ LAT